

Di dalam Qalam bilangan 3 dengan ringkas telah saya terangkan perjuangan kebangsaan kita sekarang di Malaya ini iaitu kebangsaan Melayukah atau Malayankah. Dalam makalah itu telah saya berikan tegasan bangsa Melayu dari zaman berzaman lagi telah memperjuangkan kebangsaan Melayunya hingga kepada keputusan nama yang diambil bersama dalam persidangan bangsa Melayu pada bulan Februari 1946 di Kuala Lumpur itu. Tegasnya itulah tugas membaharui azam perjuangan kebangsaan Melayu yang merupakan kebulatan bangsa Melayu menentang hendak meMalayankan Melayu dengan didatangkan rancangan Malayan Union itu. Saya harap bangsa Melayu yang berketanggungan seluruhnya memahamkan betul-betul kandungan makalah itu.

(oleh Dr Burhanuddin)

Nama tidak menjadi pokok jika tidak mengeliru dan mengecewakan

Nama yang belum dijadikan semboyan keputusan atau ikrar bersama, atau nama yang belum melekat ke bumi dan mengikut tabiat dan keadaan penduduknya yang asli tidaklah menjadi pokok politik. Tetapi nama itu telah menjadi pokok sesudah diikrarkan bersama dan keputusan yang diambil bersama. Atau nama itu telah berurat berakar tunjang yang tak boleh diganjak jika diganjak ia mati maka namanya tidak seniak diubah kecuali jika pokok itu telah subur menurut kehendak dan tabiat hidupnya maka bolehlah diberi nama yang munasabah nanti. Nama Melayu boleh diibaratkan seperti pokok atau kebun yang telah sedia tumbuh dan bertanam dan telah beransur-ansur membesar memperjuangkan hidupnya dari berabad-abad manakala Malayan ibarat suatu benih lain yang baharu sekadar baharu semenanjung ini bernama Malaya. Maka benih yang bernama baharu (Malayan) itu tidaklah biasanya menukarkan nama kebun (yang bernama Melayu) yang asal dinamakan dan dipersetujukan bersama sebagai takrif kebun itu yang telah sedia terkenal.

-----*-----*-----

Perjuangan ialah memperjuangkan cita-cita

Cita-cita berdasar kepada kepercayaan dan kebenaran yang adil, dari cita-cita ditimbulkan jadi keputusan bersama, dari

keputusan bersama dijadikan akidah atau anggaran dasar; anggaran dasar itu jadi pedoman azam dan perjuangan mencapai cita-cita.

Telah berulang-ulang dari zaman berzaman turun temurun bangsa kita memperjuangkan Melayu – bangsa Melayu – kebangsaan Melayu – tak Melayu hilang di dunia. Nasib Melayulah dengan nama dan tujuan cita-cita Melayulah bersambung menyambung terus menerus diperjuangkan sehingga lepas Perang Dunia Kedua, bangsa Melayu merupakan perjuangannya kanan dan kiri tetapi semuanya satu cita-cita azam dan tekad iaitu perjuangan kebangsaan Melayu.

Bangsa atau baka Melayu, Jawa Bugis dan lain-lain di seberang sana untuk menjadi semboyan perpaduan mereka mengambil keputusan bersama memakan perjuangan cita-cita kebangsaannya dengan nama Indonesia. (Tidak dengan nama Netherland East Indies) sekali diputuskan terus diperjuangkan hingga terdiri kemerdekaan kebangsaan Burma.

Di Hindustan yang ada berbagai-bagai bangsa itu pun menyimpulkan cita-cita kebangsaannya dengan nama kebangsaan India lalu tidak ditukar-tukar lagi sehingga India merdeka.

Beberapa bangsa yang datang ke Amerika itu memadukan cita-cita

kebangsaannya dahulu dengan nama kebangsaan American.

Gerakan kebangsaan Melayu bukan baharu malah perjuangan pusaka zaman berzaman sambung menyambung – berulang-ulang dengan nama bangsa Melayu – kebangsaan Melayu hingga tahun 1946 belumlah ada pertubuhan kebangsaan Malayan hanya baharu ada gerakan hendak menuntut hak berbangsa atau berkebangsaan di Malaya sedang gerakan kebangsaan Melayu telah beberapa kali bersidang berkongres yang telah jadi cita-cita – azam tekad perjuangan – kebangsaan Melayu.

-----*-----*-----

Melanggar keputusan dan ikrar bersama bererti khianat

Keputusan dan ikrar bersama dipandang dari mana segi perjuangan dan faham wajib diperjuangkan terus oleh tiap-tiap yang berketanggungan sehingga keputusan atau ikrar itu diperbuat dan dirombak bersama demikianlah cara menjalankan hak dan keadilan yang diamanahkan oleh persidangan, rakyat atau bangsa. Sebelum ada rombakan atau pindaan bersama maka keputusan wajib diperjuangkan hingga tercapai cita-cita yang murni itu.

Kita bangsa Melayu hendaklah ingat betul-betul jangan hendaknya terkena lagi seperti yang sudah-sudah dikenakan orang dan berakhir dengan sesal kemudian.

Kita bangsa Melayu telah berazam berikrar dan telah berjuang dari kiri dan kanan memperjuangkan cita-cita kebangsaan Melayu tidak pernah memperjuangkan cita-cita kebangsaan Malayan malah telah ditentang lebih-lebih oleh pihak kanan manakala dari pihak kiri demikian jua tidak sekali-sekali untuk kebangsaan Malayan tetapi berusaha keras cuba memimpin golongan-golongan Malayan itu memperjuangkan bersama cita-cita kebangsaan Melayu penduduk asli bumiputera Malaya yang menjadi pokok dan asas kebangsaan di Malaya. Hal ini nyata sekali jika dihalusi dari keputusan-keputusan tugas anggaran dasar oleh bangsa kita yang berfaham kiri dahulu itu. Tidak sekali-sekali Melayu hendak dijadikan Malayan tetapi Malayan jadi kebangsaan Melayu. Demikianlah caranya proses kebangsaan

Melayu yang sebenarnya telah berjalan dan diperjuangkan dari kiri dan kanan sebelum tanah air kita didatangkan dengan undang-undang darurat.

-----*-----*-----

Beralah bererti tewas dan kalah

Kebangsaan Melayu seperti diterangkan telah jadi cita-cita azam dan tekad yang telah diperjuangkan bersama oleh bangsa Melayu. Kerana jauhnya goston ke belakang sebelum datang darurat sebahagian golongan kanan bangsa kita dan sesudah darurat terdesak mesti mara dan gohek hendak menukar enjin pimpinan Melayu kepada nama dan pimpinan Malayan dan ke arah itu pula hendak dicuba menyatukan bangsa Melayu. Cara dan langkah yang begini ialah kehilangan arah dan kepercayaan, beralah dan menyerah diri tak bersyarat, kiong seperti ayam kekalahan mengakui perjuangan orang lain. Meleburkan perjuangan sendiri dan menegakkan kepentingan orang lain *Na'uzubillah minn Syurur Anfusana.*

Alangkah khianatnya menggunting di lipatan.

Hakikat bangsa Melayu sekarang bukan berharapan dengan Malayan lagi tetapi telah meninggalkan Melayu kecil menuju arah besar dan raya.

-----*-----*-----

Persatuan Ular dan Belut

Bangsa Melayu janganlah mabuk kepayang dan jangan mahu terkena dan terkenjal lagi. Cita-cita kebangsaan Melayu pada pokok politiknya belumlah tercapai apa-apa lagi. Kerana goston yang telah lalu dari segolongan kanan. Baki-baki kekuatan Melayu yang ada dalam pertadbiran atau dikatakan pertadbiran sekarang itulah ada tidaknya Malaya ini hak Melayu. Dari segi ekonomi dan pelajaran Melayu telah ketinggalan. Kubu Melayu mesti diperteguh dan dipertahankan lebih dahulu. Tingkah kandang perjuangan yang dipalu oleh kebangsaan Melayu yang berfaham kiri dahulu belum pun dapat ditarikan oleh segolongan kanan. Kerana proses kebangsaan masih dalam edarannya lagi dan tingkatan Malayan masih dalam pancaroba

lagi maka persatuan Melayu jadi Malayan itu masih dalam keadaan seperti ibarat ular dengan belut.

-----*-----*-----

Menempuh Ujian yang Layak dan Dipercayai

Saya pakaikan perkataan proses selalu diterjemahkan dengan “perubahan” tetapi terjemahan ini tidak sekemas erti proses yang menggambarkan perubahan yang memakai edaran dan tingkatan seperti dari bunga ke putik – ke buah dan masak demikian jua pada proses pertukangan, perusahaan dan politik maka perjuangan kebangsaan itu jua mesti ada perhitungannya mengikut prosesnya bukan seperti perhitungan daun lalang dibawa-bawa angin.

Proses kebangsaan Malayan telah diterangkan dalam makalah yang lalu itu bolehlah difahamkan betul-betul duduk perbezaannya di antara Melayu dan Malayan.

Tabiat dan kebudayaan Melayu dengan bangsa yang bukan Melayu yang menamakan dirinya Malayan itu amat berbeza dan berlainan. Ditambah lagi dengan bencana siasah pecah-pecah dan perintah yang mesti diperhati dan diamat-amati oleh ahli siasah bangsa kita.

Kesedaran atau kebangunan bangsa yang bukan Melayu (Malayan) itu berkehendakan taraf berpolitik setelah mendapat kedudukan dalam ekonomi dan pelajaran. Sebagaimana dikatakan dahulu golongan mereka ada yang betul untuk menumpahkan taat setianya atau ada yang untuk mengganding dan menentang kebangkitan Melayu atau dari golongan mereka yang terikut-ikut. Bagaimana gerakan Malayan itu ada segolongan orang England yang menggemarinya kerana untuk persediaan mengadap sesuatu kemungkinan yang timbul di Malaya bagi mengawal dan meneruskan kepentingan mereka walaupun Malaya berkerajaan sendiri nanti.

Kesimpulan tujuan Malayan haruslah disedari ialah untuk mengatasi dan menangani taraf politik Melayu dengan meleburkan sedapatnya akan gerakan kebangsaan Melayu untuk kemenangan Malayan.

Setelah gerakan kiri Melayu terpaksa menutup pintu maka gerakan Malayan yang berfahaman “ku” itu bertambah besar pengaruhnya merebutkan dan memperjuangkan beberapa lapangan sehingga

mempengaruhi gerakan kebangsaan kanan kita Melayu supaya menukar kebangsaannya jadi Malayan.

Demikianlah proses gerakan Malayan berjalan terus. Gerakan kanan Melayu mula hanyut dibawa arus darurat dan melupakan azam dan ikrar yang asal.

Apa yang mesti diingati dan diperjuangkan sekarang oleh yang bertanggung sekarang: kerana anasir-anasir goston yang lalu dan kelambatan mengajar zaman maka kebangsaan di Malaya masih berada dalam proses yang mesti dialirkan kembali mana yang terbabas kepada aliran kebangsaan Melayu yang sebenar dan tiap-tiap Malayan yang betul hendak berwatankan Malaya hendaklah menunjukkan kesetiannya dengan kepercayaan dan sikap laku yang membuktikan setia dan ujian-ujian yang layak dipercayai.

-----*-----*-----

Pembelahan di Malaya

Singapura telah terpisah dari Federation dan mungkinkah Federation dibelah lagi?

Gerakan Malayan semakin kencang. Darurat telah berlanjutan. Pilihan umum hendak dicuba di bandar-bandar Malaya, manakala Melayu sedang terkial-kial di kampung-kampung.

Mahukah Melayu jadi Malayan atau Malayan jadi Melayu?

Inilah soal yang besar yang akan ditempuh melalui proses kebangsaan di Malaya.

Jika Malayan berkeras dengan perjuangan Malayannya dan Melayu menentang sebagai datangnya Malayan Union dahulu maka haruslah Melaka dan Pinang mengadap nasib seolah-olah Palestin kedua. Kemungkinan luput taraf Raja-raja Melayu itu kelak dan tidaklah bertenaga lagi perjuangan kanan bangsa Melayu. Malaya akan berhadapan dengan bertambah-tambah sulit.

-----*-----*-----

Keselamatan Melayu percaya dan tekun pada cita-cita sendiri

Kehendak alam Melayu lima tahun yang lalu patutnya telah dimulakan susunan berkerajaan sendiri. Sedang yang demikian tuntutan kiri Melayu telah dibenamkan. Tuntutan Malayan mula dilayankan sedang proses perubahan yang dikehendaki oleh

keadilan masyarakat dunia seluruhnya bertambah-tambah kencang. Kerana itu apa pun diperbuat untuk membetulkan Malaya telah merupakan kelambatan kerana tenaga kebangsaan yang sebenar telah terdiam.

Jika seluruh bangsa Melayu mengingati kembali ke pangkal punca ikrar dan cita-cita kebangsaannya yang dipusakai selama ini diperjuangkan terus. Dalam semangat dan cita-cita inilah seluruh Melayu bersatu padu bulat di atas rasa kebangsaan Melayu semakin hari menjauhkan diri daripada mengerjakan kepentingan orang lain maka tenaga kebangsaan Melayu akan bertambah-tambah kuat kerana walau agak dipandang endah dan besar juga gerakan Malayan itu tetapi jiwanya hak kita tahlil dan periksa adalah seperti yang diisyaratkan : *Tahsabuhum Jamii'a waquluu buhum syatta* . Maka dengan goyang yang ada perdirian mereka itu akan tertarik kepada keteguhan dan ketetapan perjuangan kita kerana golongan kiri Melayu kita sudah pun mengalirkan mereka menerima berkebangsaan Melayu itu manusia mana pun jua manakala tiba masanya tidak sanggup menentang dan melawan hak dan kebenaran. Bukanlah benar dan adil Malayan jadi asas untuk mendirikan Melayu yang bukan sahaja berada di Federation. Kerana Melayu itulah yang hak dan adil yang mana Malayan boleh jadi anggota binaan di atas asas itu.

Kaedah ini telah berjalan dengan nyatanya dari berzaman-zaman hingga kepada hari ini. Seperti boleh didapati dari kebenaran kata: - jadi Melayu. Atau masuk Melayu dan beranak angkat tetapi tak pernah kaedah ini dijalankan atau dilakukan oleh sebaliknya. Pandanglah ini sebagai ajaran alam kepada bangsa Melayu mencontohkan edaran proses yang licin.

Janganlah dihairankan mereka menanggung di air keruh sekarang. manusia tetap bertabiat manusia manakala negeri asal mereka telah cuaca dan aman kembali maka hujan emas di negeri orang tak sama dengan hujan lembing di negerinya sendiri apa lagi hujan emas itu telah ada turun di negerinya sendiri. Kerana kemungkinan yang betul putih hati hendak menjadi Malayan itu

harus tidak sampai seperempat dari bilangan Melayu. Kerana itu semangat perpaduan Melayu sebagai yang ada timbul masa menentang Malayan Union dahulu hendaklah dipertebal diperkencang dan dilipat gandakan dengan menambah persiapan dan persediaan persatuan perpaduan untuk mencapai cita-cita kebangsaan.

Pembesar-pembesar dan raja-raja Melayu hendaklah bertahan dan memelihara hak taraf mereka yang ada sekarang dengan tidak mengaibkan gerakan rakyat yang sah, jika hak MCS itu dapat dikawal dari dahulu maka hak memilih kerakyatan yang setia itu hendaklah bercermat betul untuk mengelakkan yang bakal tiba lebih-lebih hebat dan dasyat lagi. Kecurigaan ini sementara ini pada hakikatnya bukan sahaja mengawal kepentingan kebangsaan nanti tetapi kepentingan bangsa British jua selagi betul menepati janji penaungannya menurut semangat treaty yang mula dan untuk mengekalkan perhubungan nama baik.

Keadaan dan kedudukan Malaya bukan kepada masalah dunia hari ini tetapi ia pada bahagian belakang yang akan tetap beredar meningkat ke hadapan ke lapangan international lagi. Maka proses menuju masaknya kebangsaan di Malaya ada berkaitan jua dengan proses yang dibawakan oleh peredaran kemajuan international dalam kusat dan daminya.

Malaya tetap akan tidak sesuai jika cuba diadakan seperti langkah Perancis menegakkan kerajaan Baudouin di Indochina itu untuk mengelabui atau menunjuk-nunjukkan berkerajaan sendiri telah diberikan di sana.

Persiapan kita mesti berdasar bulat atas kebangsaan Melayu kita dan perjuangan kita mesti untuk keselamatan dan keamanan kebangsaan kita sebagai suatu bahagian dari anggota dunia yang berkerjasama menegakkan keselamatan dan perdamaian dunia.

Percaya dan berdiri bulat di atas cita-cita kebangsaan Melayu sendiri dan diperjuangkan terus itulah pokok yang menentukan keselamatan dan tercapai cita-cita kebangsaan kita menempuh proses yang beredar sekarang ini.

-----*-----*-----